

19) HAK MILIK INDIVIDU YANG TIDAK DIPEROLEHI

Adun : Y.B. Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi @ Azmi (Seri Serdang)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) Terdapat individu yang telah lama membeli rumah tetapi belum dapat hak milik kerana pihak pemaju telah bankrap, contohnya projek dibawah TALAM Corporation. Apakah usaha kerajaan membantu mereka yang teraniaya ini?**

Isu perumahan tidak mempunyai Hakmilik disebabkan oleh kegagalan pemaju menyempurnakan pindahmilik kepada para pembeli kini ditangani oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui kerjasama dua (2) jabatan iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS). Beberapa kaedah telah dirangka bagi menyelesaikan perkara ini antaranya :-

- i. Menubuhkan Jawatankuasa "*Task Force*" penyelesaian Hakmilik Strata bagi menangani permasalahan dari aspek teknikal mahupun di peringkat dasar.
- ii. Mengemaskini Inventori Skim Strata di Negeri Selangor yang masih belum memohon hakmilik bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh sebelum merangka kaedah penyelesaian holistik.
- iii. Mengkaji keperluan menubuhkan Tabung Khas Hakmilik Strata di peringkat Negeri Selangor bagi seperti mana dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Bagi melancarkan kerja penyelesaian oleh "*Task Force*" ini, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM 200,000.00 pada tahun 2024.